

14/01/2004

Kereta diletak tepi jalan pasar borong punca kesesakan

Mahathir Wahab

SEBAGAI penduduk Selayang, Selangor saya rasa amat bertuah kerana kawasan ini mengalami pembangunan yang pesat. Kawasan Selayang yang strategik, dekat dengan laluan utama ke utara dan selatan serta jalan lama ke Rawang.

Bagaimanapun, saya amat kesal kerana hampir setiap hari kami terpaksa menempuh kesesakan jalan raya yang amat teruk jika hendak ke Kuala Lumpur. Kesesakan ini bermula jam 6.30 pagi lagi dan akan berterusan sehingga jam 9.00 pagi.

Jalan raya yang diperbesarkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) tidak lagi dapat menampung keperluan kenderaan masa kini. Kesesakan yang memeningkan berlaku hampir setiap pagi dan akan lebih mendukacitakan bila bermulanya musim persekolahan.

Perkhidmatan pengangkutan ke Kuala Lumpur hanyalah bas awam, tiada cara lain, tiada LRT, dan komuter.

Salah satu penyebab utama kesesakan ialah kenderaan pelanggan diletakkan di sepanjang tepi jalan/lebuhraya bersebelahan Pasar Borong Selayang.

Malah ada yang menunggu di dalam kenderaan bagi memastikan tiada saman diberikan sambil menanti rakan mereka membeli-belah di pasar. Walaupun saban hari polis mengeluarkan saman dan kompaun, pelanggan masih lagi degil dan meletakkan kenderaan di tepi jalan.

Ini akan menyebabkan tiga laluan menjadi dua, kadang kala satu laluan saja yang dapat digunakan oleh pengguna jalan raya menuju Kuala Lumpur.

Keadaan ini menyebabkan banyak kemalangan berlaku. Malah, lori-lori kecil yang digunakan untuk mengangkut barang juga diletakkan di tepi jalan. Mereka seolah-olah sudah lali dengan saman polis dan kereta tunda.

Apakah kesan sikap buruk ini harus ditanggung oleh penduduk Selayang dan sekitarnya untuk selama-lamanya?

Pihak berkuasa bukan saja boleh menyaman kenderaan terbabit tetapi satu pelan jangka panjang perlu difikirkan untuk mengatasi masalah ini. Kita tidak boleh mengambil ringan keperluan masyarakat sekitar yang perlu menggunakan lebuhraya.

Masa sepatutnya dihabiskan dengan lebih berfaedah di tempat kerja atau di rumah dari termenung apabila terperangkap dalam kesesakan jalan raya!

Saya ingin mencadangkan beberapa langkah jangka pendek dan sederhana untuk mengatasi gejala sebegini.

Pertamanya ialah mendirikan pagar besi atau tembok yang tinggi tanpa pintu bersebelahan pasar dan lebuhraya bagi mengelakkan pelanggan menggunakan jalan raya utama untuk meletak kenderaan dan ke pasar.

Ini juga dapat menghalang pejalan kaki melintas lebuhraya untuk ke pasar.

Kedua, tidak memberi belas ihsan kepada pemandu yang meletakkan kenderaan di tepi lebuhraya sebaliknya menunda kenderaan berkenaan.

Ketiga ialah membuat satu laluan khas yang lain bagi kenderaan dari Kuala Lumpur untuk ke pasar (jejambat) dan juga jejantas untuk pejalan kaki.

Langkah jangka panjang selanjutnya adalah melebarkan lebuhraya dan memberi laluan alternatif kepada pemandu dan pengguna jalan raya yang lain.

Kerajaan Selangor dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) harus bekerjasama memikirkan perkhidmatan pengangkutan awam lain yang dapat ditawarkan kepada penduduk Selayang dan Rawang.

Selangor menuju ke arah negeri maju 2005 amat dialu-alukan, kemajuan

yang seimbang harus difikirkan, keselesaan rakyat dan penduduk masih boleh ditingkatkan lagi.

Tiada gunanya kita meningkatkan produktiviti keluarga tetapi pada masa sama, waktu emas bersama keluarga dikurangkan hanya kerana terperangkap di jalan raya.

MAHATHIR WAHAB,
Selayang.